

| | | | |
|------------|---|-------------|----------------------|
| Headline | Pengamal seks bebas atasi penagih dadah | | |
| MediaTitle | Kosmo Ahad | | |
| Date | 18 Dec 2016 | Color | Full Color |
| Section | Jurnal | Circulation | 197,202 |
| Page No | 46,47 | Readership | 875,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 1587 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 41,185 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 123,555 |



JURNAL Wawancara Minggu Ini

Pengamal seks bebas atasi penagih dadah

ISU berkaitan gejala virus HIV dan penyakit AIDS bukanlah satu perkara baharu di Malaysia. Masyarakat di negara ini telah pun didedahkan dengan pelbagai kempen dan program bagi membanteras penularan wabak HIV/AIDS.

Melihat kepada perkembangan semasa, virus tersebut dilihat merebak dalam kalangan kumpulan berisiko seperti penagih dadah, pekerja seks, homoseksual dan transgender.

Berdasarkan trend tersebut, timbul persoalan tentang perkembangan terkini masalah HIV/AIDS di Malaysia selepas pelbagai usaha dan aktiviti dijalankan.

Bagi mendapatkan maklumat lanjut, ikuti temu bual wartawan *Kosmo! Ahad*, **MOHAMMAD SHAHEMY AZMI** bersama Presiden Majlis AIDS Malaysia (MAC), Bakhtiar Talhah di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Boleh anda terangkan secara ringkas fungsi dan peranan MAC?

BAKHTIAR TALHAH: MAC atau Majlis Aids Malaysia merupakan sebuah organisasi yang ditubuhkan pada tahun 1992 dengan kerjasama

Perubahan trend semasa menunjukkan pengamal seks bebas jadi penyumbang utama gejala HIV/AIDS berbanding penagih dadah.

Kementerian Kesihatan Malaysia.

MAC ditubuhkan dengan matlamat untuk menangani isu penularan virus HIV/AIDS di Malaysia. Selain itu, MAC turut menawarkan bimbingan dan nasihat untuk individu yang telah dijangkiti HIV/AIDS dengan memberikan semangat dan memantau dari segi rawatan dan perubahan mereka.

Selain MAC, terdapat sebuah lagi pertubuhan berkaitan AIDS iaitu Yayasan AIDS Malaysia yang ditugaskan untuk mencari dan mengumpul dana daripada syarikat-syarikat ataupun badan-badan korporat di Malaysia.

Dana yang diperolehi ini kemudiannya akan disalurkan kembali kepada MAC untuk menggerakkan

SEBAGAI Presiden Majlis AIDS Malaysia, Bakhtiar tekad untuk memastikan statistik kes HIV/AIDS di Malaysia terus menurun.

program serta aktiviti organisasi. Sehingga kini, terdapat 48 badan bukan kerajaan bergerak di bawah seliaan MAC bagi tujuan yang sama iaitu untuk membendung penularan virus HIV/AIDS.

Apakah sumbangan dan pencapaian MAC sejak ditubuhkan?

MAC telah melakukan banyak aktiviti serta kempen bagi membuka minda masyarakat tentang bahaya HIV/AIDS. Untuk mencapai objektif nasional yang diharapkan, MAC dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia telah mewujudkan satu projek terbesar iaitu memberi jarum suntikan percuma kepada penagih-penagih dadah sejak tahun 2006.

Tidak dapat dinafikan projek tersebut pada awalnya mendapat tentangan daripada banyak pihak yang beranggapan kami seolah-olah menggalakkan masyarakat menjadi penagih dadah.

Namun di sebalik projek tersebut, masyarakat tidak sedar sebenarnya ia berfungsi membanteras penularan virus HIV/AIDS dalam kalangan penagih dadah yang berkongsi jarum suntikan.


Kami juga banyak turun padang

EKSTRA

Bakhtiar Talhah

- Berusia 43 tahun
- Merupakan anak jati kelahiran Kuala Lumpur
- Ketua Pegawai Eksekutif Akar Budaya yang merupakan sebuah firma perundingan perniagaan di Kuala Lumpur
- Mula bergiat aktif dalam bidang sukarelawan HIV/AIDS sejak tahun 1995 bermula di New York, Amerika Syarikat dan Paris, Perancis
- Menjawat jawatan Pengarah Eksekutif Majlis AIDS Malaysia dan Yayasan AIDS Malaysia dari tahun 2008 hingga 2010
- Merupakan penasihat Persatuan Pembangunan Kesihatan Keluarga Pulau Pinang dan ahli Pertubuhan Komuniti Cakna Terengganu

Foto FARIZ RUSADIO



GOLONGAN seperti pekerja seks, homoseksual dan transgender menjadi penyumbang terbesar kes HIV/AIDS di Malaysia sekarang. - Gambar hiasan

| | | | |
|------------|---|-------------|----------------------|
| Headline | Pengamal seks bebas atasi penagih dadah | | |
| MediaTitle | Kosmo Ahad | | |
| Date | 18 Dec 2016 | Color | Full Color |
| Section | Jurnal | Circulation | 197,202 |
| Page No | 46,47 | Readership | 875,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 1587 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 41,185 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 123,555 |

untuk mendekati individu yang berisiko dijangkiti HIV/AIDS seperti pekerja-pekerja seks kerana menyifatkan golongan itu sebagai *underground* dan perlu didekati.

Idea tersebut yang dipelopori oleh mantan Presiden MAC, Prof. Datuk Dr. Adeeba Kamarulzaman ternyata membuahkan hasil malah menjadi ikutan di negara-negara lain.

Agensi seperti Jabatan Agama Islam, Agensi Antidadah Kebangsaan dan Polis Diraja Malaysia patut diberi pujian kerana turut bekerjasama.

Bilakah HIV/AIDS pertama kali dikesan di Malaysia?

Mengikut kajian, virus HIV/AIDS pertama kali dilaporkan di Malaysia pada tahun 1986. Namun pada ketika itu, penularan virus tersebut masih tidak diketahui puncanya, namun kita percaya ia sebenarnya telah lama wujud di negara kita.

Isu HIV/AIDS pada ketika itu telah menjadi satu isu global dan mula dipandang serius Malaysia dengan memberi tumpuan kepada kelompok berisiko iaitu penagih dadah, pekerja seks, golongan homoseksual dan transgender.

Merujuk kepada laporan akhbar *Kosmo!* baru-baru ini, negeri Terengganu mengalami peningkatan kes baharu HIV/AIDS sebanyak dua kali ganda. Bagaimana anda melihat peningkatan tersebut boleh terjadi?

Terengganu tidak terkecuali mengikut apa yang dipanggil sebagai 'trend kebangsaan' dengan menunjukkan peningkatan kes baharu HIV/AIDS sebanyak dua kali ganda. Apa yang dilihat sekarang, situasi itu sebenarnya turut terjadi di setiap negeri.

Namun saya bersedih kerana kalau diikutkan, kes HIV/AIDS di Malaysia sebenarnya menunjukkan penurunan yang agak besar bermula dari tahun 2002 hingga 2015.

Apakah statistik terkini kes HIV/AIDS di Malaysia?

Jumlah individu HIV/AIDS yang dilaporkan di Malaysia dari tahun 1986 sehingga 2015 adalah seramai 90,603 orang.

Melihat pada statistik kes baharu HIV/AIDS yang dilaporkan pada 10 tahun kebelakangan, tahun 2002 menunjukkan bacaan tertinggi dengan 7,000 kes baharu.

Namun, angka tersebut mula menurun sejak tahun 2006 selepas program memberikan jarum suntikan percuma kepada penagih dadah dilancarkan.

Sehingga tahun lalu, sebanyak 3,330 sahaja kes baharu dilaporkan sekali gus



SEBAHAGIAN daripada 42 kakitangan Majlis AIDS Malaysia yang komited dalam menangani isu HIV/AIDS di Malaysia.

Statistik kes baharu dilaporkan

| Tahun | Kes baharu yang dilaporkan |
|-------|----------------------------|
| 2000 | 5,107 |
| 2002 | 6,978 |
| 2004 | 6,427 |
| 2006 | 5,830 |
| 2008 | 3,692 |
| 2010 | 3,652 |
| 2012 | 3,438 |
| 2014 | 3,517 |
| 2015 | 3,330 |

menunjukkan angka penurunan positif.

Antara seorang penagih dadah dengan pengamal seks, golongan manakah yang menjadi penyumbang terbesar kepada penularan HIV/AIDS di Malaysia?

Penyumbang kepada gejala HIV/AIDS tertinggi sekitar 10 tahun lalu adalah terdiri daripada penagih dadah yang berkongsi jarum suntikan.

Pada ketika itu, boleh dikatakan 90 peratus kes HIV/AIDS

melibatkan penagih dadah.

Namun, senario berbeza dapat dilihat pada hari ini apabila penyumbang gejala HIV/AIDS semakin banyak melibatkan pekerja seks, homoseksual dan transgender.

Sama seperti kaedah yang digunakan terhadap penagih dadah, golongan pengamal seks ini diberikan kondom sebagai langkah pencegahan dengan niat untuk mengelakkan berlakunya penyebaran HIV/AIDS secara berleluasa.

Ternyata kaedah yang digunakan ini menunjukkan kesan walaupun agak sukar sebenarnya untuk kami mendekati kelompok pengamal seks bebas tersebut.

Apakah usaha berterusan yang dilakukan oleh MAC bagi mengawal masalah tersebut?

Selepas mengenal pasti golongan berisiko ini dan sekiranya mereka positif HIV/AIDS, kami akan terus memantau aktiviti harian mereka dengan memberi penerangan tentang gaya hidup sihat.

Kami juga akan pastikan



PELAKON Aaron Aziz salah seorang daripada 20 selebriti Sokongan Riben Merah Majlis AIDS Malaysia.

mereka mengambil ubat-ubatan yang diperolehi daripada hospital secara percuma. Selain itu, usaha lain seperti mendekati golongan berisiko ini akan terus dilakukan terutama menggalakkan mereka melakukan pemeriksaan kesihatan dan melakukan saringan ujian darah.

Kempen kesedaran turut dibuat melalui Red Ribbon Club dengan melantik pelakon Aaron Aziz sebagai jurucakap bagi menarik minat masyarakat untuk mengetahui dengan lebih lanjut permasalahan HIV/AIDS di Malaysia.

Secara peribadi, bolehkah gejala HIV/AIDS di Malaysia dikawal suatu hari nanti?

Tidak ada negara di dunia ini menunjukkan bacaan sifar HIV/AIDS. Namun hasrat untuk membendung penularan virus tersebut dilihat tidak mustahil.

Melalui kempen oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu iaitu *Ending Aids By 2030* yang dibentangkan pada tahun 2013 dan dilancarkan pada 2015, Malaysia tidak terkecuali menandatangani kempen tersebut dengan menasaskan hanya sejumlah 800 kes HIV/AIDS yang dilaporkan menjelang tahun 2030 di Malaysia.

Hasrat itu kini ternyata dalam sasaran apabila statistik kes HIV/AIDS mula menunjukkan penurunan drastik.